

## **PENGARUH PARSİ DI DALAM *TARJUMĀN AL-MUSTAĒĪD* KARYA SYEIKH ABDUL RAUF ALI AL-FANSURI AL-SİNGKILI**

### ***Persian Influence in Tarjumān al-Mustafīd: Magnum Opus of Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili***

**Ahmad Safwan Raihan\***

**Ahmad Azlan Raihan\*\***

#### **ABSTRACT**

*This article will show the Persian influence in the first tafsir book that uses Malay, namely Tarjumān al-Mustafīd. This book was written by Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili who was appointed mufti to replace Sayf al-Rijal in 1661 AD during the reign of the 14th Sultanah, namely Sultanah Safīyyatuddin. This study used the method of tahqīq, literature review and document analysis. The study found that six eminent scholars from Persian have been the reference of Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili in Tarjumān al-Mustafīd, namely Nāṣiruddīn Abī al-Khayr ‘Abdullah bin ‘Umar bin Muḥammad al-Shayrāzī al-Shāfi‘ī al-Bayḍāwī, Abī Ishāq Ahmad ibn Muhammad ibn Ibrāhīm al-Tha‘labī, al-Ḥussayn ibn Mas‘ūd ibn Muhammad al-Farrā` al-Baghawī son of Abū Ja‘far Muhammad ibn Jarīr ibn Yazīd ibn Kathīr al-Ṭabarī, Abū ‘ bin al-Mughīrah al-Bukhārī son of Abū ‘AbdulLāh Muḥammad bin ‘AbdulLāh al-Ḥākīm al-Naysābūrī. These six works of these scholars have been referred*

---

\* Lecturer, Dato' Lela Maharaja Vocasional College, 71400 Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia. [ahmad.safwan@moe.edu.my](mailto:ahmad.safwan@moe.edu.my)

\*\* Assistant Mufti, Istiqra' Unit, Department of Research, Office Mufti of Negeri, 70000 Negeri Sembilan, Malaysia. [ahmadazlan@ns.gov.my](mailto:ahmadazlan@ns.gov.my)

*to by Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili in Tarjumān al-Mustafīd. This shows the Persian influence in the writing of tafsir works in the Malay world. Apart from that, the Persian writings that have been assimilated into the life of the Malay community have also become a factor for the scholars from Persia to be the main reference.*

**Keywords:** *Tarjumān al-Mustafīd, Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili, Tafsir, Tahqiq, Persian*

## PENDAHULUAN

Tafsir secara etimologi, diambil dari kata “*fassara – yufassiru – tafsīrā*” yang bermaksud keterangan atau huraian.<sup>1</sup> Kata “tafsir” mengikuti *wazan (tafīl)* yang berasal dari kata *al-Fasr* yang bermaksud menjelaskan, menyingkap dan menampakkan atau menerangkan makna yang abstrak. Kata kerjanya mengikuti *wazan ḍaraba-yadribu* dan *naṣara-yaṣuru*. Kata *al-Tafsīr* dan *al-Fasr* memberi makna, iaitu menjelaskan atau menyingkap yang tertutup. Dapat disimpulkan bahawa kata *al-Tafsīr* membawa makna dari segi istilah ialah menyingkapkan maksud sesuatu lafaz yang musykil dan sulit. Pengertian tafsir dengan makna di atas, sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah *al-Furqān*, 33:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ۝٣٣

Maksudnya: Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu).

Disiplin ilmu tafsir tidak wujud di zaman Rasulullah SAW. Hal ini kerana Baginda SAW sendiri yang memberikan penjelasan dan tafsiran terhadap setiap wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT yang

---

<sup>1</sup> Rosihan Anwar, *Ulum al-Qur'an* (Bandung: Pustaka Setia, 2008), 209.

bertaut dengan setiap peristiwa yang berlaku. Hal ini diperakui oleh firman Allah SWT bahawa penjelasan Baginda SAW adalah sebahagian daripada wahyu seperti ungkapan firman Allah SAW dalam Surah al-Najm, 3 – 4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ ۓ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۚ ۓ

Maksudnya: Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (samada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Kenyataan ini telah dikuatkan lagi apabila *Saydatinā* °Ā`ishah RA ditanya oleh sahabat yang bernama Sa°ad bin Hishām RA tentang keperibadian Rasulullah SAW. Maka *Saydatinā* °Ā`ishah RA menjawab bahawa Baginda Rasulullah SAW adalah al-Quran yang hidup.<sup>2</sup> Keperibadian Baginda SAW diteliti dan dipelajari sebagai tafsir terhadap al-Quran oleh para sahabat yang sentiasa berdamping dengannya sehingga Baginda SAW wafat. Antara sahabat Baginda

---

<sup>2</sup> Hadis adalah seperti berikut:

وَقَالَ سَعِيدُ بْنُ أَبِي عَرُوبَةَ عَنْ قَتَادَةَ : قَوْلُهُ : وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ : ذَكَرَ لَنَا أَنَّ سَعِدَ بْنَ هِشَامٍ سَأَلَ عَائِشَةَ عَنْ خُلُقِ رَسُولِ اللَّهِ : فَقَالَتْ أَلَسْتَ تَقْرَأُ الْقُرْآنَ ؟ قَالَ : بَلَى . قَالَتْ : فَإِنَّ خُلُقَ رَسُولِ اللَّهِ كَانَ الْقُرْآنَ

Maksudnya: Telah berkata Sa°id bin Abī °Urubah dari Qatadah berkaitan tentang ayat *وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ*, telah diberitahu kepada kami bahawa sesungguhnya Sa°ad bin Hishām telah bertanya kepada *Saydatinā* °Ā`ishah tentang akhlak Rasulullah SAW maka *Saydatinā* °Ā`ishah telah bertanya: Adakah engkau tidak membaca al-Quran. Maka dijawab malah aku membacanya. Maka berkata *Saydatinā* °Ā`ishah sesungguhnya keperibadian Rasulullah SAW adalah al-Quran. Lihat Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash°ath al-Sijistānī, *Sunan lī al-Imām Abī Dāwūd* (Kaherah: Dār al-Ta`šīl, 2015), 3:283. Ini dikutip oleh Ibn Kathīr, Ismā`īl bin °Umar, *Tafsīr al-Qur`ān al-°Azīm li Ibn Kathīr*, Pentahqiq Abū Ishāq al-Ḥuwaynī, (Riyād: Dār Ibn al-Jawzī, 1431 H), 7:341.

SAW yang diperakui dalam kajian Muḥammad Ḥussīn al-Dhahabī<sup>3</sup> dan Faḍl Ḥassan ʿAbbās<sup>4</sup> untuk mengajar tafsir adalah Sayidina Abū Bakr RA, Sayidina ʿUmar al-Khattāb RA, Sayidina ʿUthmān bin ʿAffān RA, Sayidina ʿAlī bin Abī Ṭālib RA, ʿAbdullah bin Masʿūd RA, Ibn ʿAbbās RA, Ubay bin Kaʿb RA, Zayd bin Thābit RA, Abu Mūsā al-ʿAshʿarī RA dan ʿAbdullah bin Zubayr RA.

Sahabat Nabi Muhammad SAW yang paling banyak meriwayatkan tafsir daripada Baginda ialah ʿAbdullah bin Masʿūd RA. Namun begitu, hanya Ibn ʿAbbās RA sahaja sahabat Baginda SAW yang dibenarkan untuk mencatat tafsiran yang diberi oleh Nabi Muhammad SAW. Ibn ʿAbbās RA yang digelar sebagai Terjemahan al-Quran<sup>5</sup> adalah antara sahabat yang banyak meriwayatkan tafsir al-Quran daripada Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana Ibn ʿAbbās RA diberikan kelebihan oleh Nabi Muhammad SAW seperti yang telah diriwayatkan oleh ulama-ulama hadis yang terkenal.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Muḥammad Ḥussīn Al-Dhahabī, *al-Tafsīr al-Mufasssīrūn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396 H), 1:89.

<sup>4</sup> Faḍl Ḥassan ʿAbbās, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* Juz 1 (Umān: Dār al-Nafāʿis, 2016), 113 - 115

<sup>5</sup> Hadis adalah seperti berikut:

عن ابن مسعود : قال لو أدرك ابن عباس أسناننا ما عاشره منا رجلا , وكان يقول : نعم ترجمان القرآن ابن عباس

Maksudnya: Dari Ibnu Masʿūd, telah berkata jikalau aku sedar bahawa Ibnu Abbas sedar tentang gigi kami, apa yang akan dibuat seorang lelaki kepada kita: Ya, Ibnu ʿAbbās R.A. adalah Terjemahan al-Quran.

Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Masʿūd dan bertaraf sahih. Lihat al-ʿAthqalānī, Shihābuddīn Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar, *Hūdā al-Sārī li al-Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī* (Beirut: Risālah al-ʿĀlamiyyah, 2013), 11:191. Hadis ini telah dikutip oleh al-Ḍaḥāk bin Mazāḥim al-Balkhī al-Hilālī, *Tafsīr al-Ḍaḥāk*, Pentahqiq Muḥammad Shukrī Aḥmad al-Zawītī (Kaherah: Dār al-Salām, 1419 H), 11.

<sup>6</sup> Hadis adalah seperti berikut:

أَخْبَرَنَا عَفَانُ بْنُ مُسْلِمٍ وَسَلِيمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَا : أَخْبَرَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ قَالَ : أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَثْمَانَ بْنِ خُثَيْمٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جَبْرِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي بَيْتِ مَيْمُونَةَ

Setelah Baginda SAW wafat, beberapa sahabat telah melanjutkan pengajaran tafsir al-Quran. Namun kemunculan mereka mengikut zon geografi, seperti Ibn ʿAbbās RA di Kota Mekah<sup>7</sup>, Ubay bin Kaʿb RA<sup>8</sup> di Kota Madinah serta ʿAbdullah bin Masʿūd RA.<sup>9</sup> di Kota Kufah. Dari pengajaran tafsir para sahabat ini memunculkan generasi tabiʿīn berikutnya. Antara murid-murid Ibn ʿAbbās ialah Saʿīd

---

فوضعت له وضوءاً من الليل , فقالت ميمونة : يا رسول الله وضع لك هذا عبد الله بن عباس ,  
فقال : اللهم فقهه في الدين و علمه التأويل

Maksudnya: Telah diceritakan kepada kami oleh ʿAffān bin Muslim dan Sulaymān bin Ḥarb telah berkata keduanya, telah diceritakan kepada kami oleh Ḥammād bin Salmah telah berkata : Telah diceritakan kepada kami oleh ʿAbdullah bin ʿUthman bin Khuthaym dari Saʿīd bin Jubayr dari Ibn ʿAbbās sesungguhnya Rasulullah SAW, ketika berada di rumah Maymunah, maka Baginda telah mengambil wudu' di malam hari, maka telah berkata Maimunah, Wahai Rasulullah letakkan untuknya, ini ʿAbdullah bin ʿAbbās maka bersabda Rasulullah SAW “Ya Allah, ya Tuhan kami !, faqihkan beliau (Ibn ʿAbbās) dalam agama dan ajarkannya dengan ilmu ta'wil”. Lihat al-ʿAthqalānī, Shihābuddīn Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar, *Hūdā al-Sārī li al-Muqaddimah Fath al-Bārī* (Beirut: Risālah al-ʿĀlamīyyah, 2013), 11:191. Hadis ini dikutip oleh Ibn Saʿad, *Ṭabaqāt al-Kubrā*, Pentahqiq Muḥammad bin Saʿad bin Manīʿ al-Zahrī (Kaherah: Maktabah al-Khanjī, t.t), 2:315. Perawi hadis yang dinyatakan di dalam *Ṭabaqat al-Kubra* berlainan dengan perawi yang dinyatakan di dalam *Huda al-Sari li al-Muqaddimah Fath al-Bari*. Walaubagaimanapun kedua-duanya mempunyai persamaan matan hadis.

<sup>7</sup> ʿAbdullah bin ʿAbbās RA adalah sepupu Baginda SAW Ibnu Abbas lahir tiga tahun sebelum Hijrah di Mekah. Beliau adalah sahabat yang didoakan oleh Baginda SAW seperti hadis yang dinyatakan di atas. Antara sumbangan beliau ialah kitab tafsir bertajuk Tafsir Ibn ʿAbbās yang ditahqiq oleh Abdul Aziz bin Abdullah al-Hamidi. Beliau wafat pada tahun 68 H ketika berumur 71 tahun di Kota Taif dan dimaqamkan di sana. Lihat Muṣṭafā Muslim, *Manāḥij al-Mufasssīrīn* (Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1415 H), 47.

<sup>8</sup> Ubay bin Kaʿb bin Qīs bin ʿUbayd al-Anṣārī R.A.. Sahabat Baginda SAW yang turut serta dalam Bayʿah al-ʿAqabah kedua. Beliau wafat pada zaman pemerintahan Khalifah yang ketiga, iaitu Saydinā ʿUthmān bin ʿAffān R.A. Lihat Muṣṭafā Muslim, *Manāḥij al-Mufasssīrīn* (Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1415 H), 129.

<sup>9</sup> ʿAbdullah bin Masʿūd bin Ghafil bin Ḥabīb bin Hazīl bin Mudrikah bin Ilyās bin Muḍār R.A.. Beliau adalah sahabat Baginda SAW yang paling awal masuk Islam. Beliau adalah sahabat yang paling banyak meriwayatkan tafsir secara langsung dari Baginda SAW Beliau wafat pada tahun 32 H di Kota Madinah. Lihat Muṣṭafā Muslim, *Manāḥij al-Mufasssīrīn* (Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1415 H), 85.

bin Jābir,<sup>10</sup> Mujāhid bin Jabar,<sup>11</sup> Ikrīmah,<sup>12</sup> Ṭaws bin Kaisān<sup>13</sup> dan °Aṭā` bin Abī Rabaḥ.<sup>14</sup> Manakala murid-murid tafsir Ubay bin Ka°b R.A. di Madinah ialah Zayd bin Aslam,<sup>15</sup> Abū al-°Āliyah al-Rafi°c,<sup>16</sup> Muhammad bin Ka°b al-Qurzī,<sup>17</sup> al-Ḍahāk bin Mazāhim,<sup>18</sup> Hassan al-Baṣrī,<sup>19</sup> dan

---

<sup>10</sup> Sa°id bin Jābir adalah ulama yang sangat alim pada zaman tabi°in. Beliau alim dalam disiplin ilmu tafsir, feqah dan hadis. Ibn Khulqān telah meriwayatkan dari Khāsif: “Antara ulama tabi°in yang alim dalam ilmu talak ialah Sa°id al-Muṣayyib, dalam ilmu *haji °Athā`*, dalam ilmu halal dan haram Ṭaws dan tafsir ialah Mujāhid, tetapi Sa°id bin Jābir alim dalam kesemua bidang. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 279.

<sup>11</sup> Mujāhid bin Jabr al-Makkī. lahir di Mekah pada tahun 21 H. Beliau belajar disiplin ilmu tafsir dari Ibnu Abbas. Beliau wafat di Mekah ketika sedang sujud pada tahun 104 H semasa beliau berumur 83 tahun. Lihat Muḥammad Ṣāliḥ al-Uthaymīn, *al-Uṣūl fī al-Tafsīr* (Kaherah: Maktabah al-Islamiyyah, 1422 H), 38.

<sup>12</sup> Ikrimah adalah seorang tabi°in yang sangat alim dalam bidang ilmu tafsir. Ibnu Juraij pernah berkata kepada Yahyā bin Ayyūb al-Miṣrī: “Engkau akan kehilangan dua pertiga ilmu sekiranya mengabaikan tentang Ikrimah. Beliau wafat pada tahun 104 H. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 280.

<sup>13</sup> Ṭaws bin Kaisān berasal dari Yaman. Beliau hidup dalam kalangan 50 orang sahabat. Beliau seorang yang sangat *thiqah*, jujur dan mustajab doa. Ibnu Abbas pernah berkata: “Aku menyangka Ṭaws adalah salah seorang ahli syurga”. Beliau wafat pada tahun 106 H dan dikuburkan di Mekah. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 427 H), 280.

<sup>14</sup> °Aṭā` bin Abī Rabaḥ dilahirkan pada tahun 27 H. Beliau hidup dalam kalangan 200 orang sahabat. Qatādah berkata: “Yang paling alim dalam kalangan tabi°in ada empat orang, °Aṭā` terkenal dalam bidang manasik haji, Sa°id bin Jābir dalam bidang tafsir, Ikrimah dalam bidang *Sir*, dan Ḥassan dalam bidang halal dan haram”. °Aṭā` bin Abī Rabaḥ wafat pada tahun 114 H. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 280.

<sup>15</sup> Zayd bin Aslām adalah guru kepada Imam Mālik. Beliau wafat pada tahun 136 H. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 281.

<sup>16</sup> Rafi°c bin Mihrān (Abū al-°Āliyah) memeluk Islam dua tahun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Beliau telah meriwayatkan tafsir dari °Abdullah bin Mas°ūd, °Alī bin Abī Ṭālib, Ibn °Abbās dan Ibn °Umar dan Ubay bin Ka°ab. Beliau wafat pada tahun 90 H. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 281.

<sup>17</sup> Muḥammad bin Ka°ab al-Qurzī adalah ulama tabi°in yang *thiqah*, adil, warak dan soleh. Beliau wafat pada tahun 118 H. Lihat Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 281.

<sup>18</sup> al-Ḍahāk bin Mazāhim, beliau adalah tabi°in yang meriwayatkan tafsir dari Ubay bin Ka°ab. Beliau mempunyai seramai tiga ribu (3000) orang anak murid. Sufyān al-

Qatādah bin Di‘āmah al-Sadūsī.<sup>20</sup> Adapun murid-murid yang belajar tafsir dari ‘Abdullah bin Mas‘ūd R.A. di Kufah ialah Ulaqamah bin Qays,<sup>21</sup> al-Aswad bin Yazīd,<sup>22</sup> Masrūq,<sup>23</sup> al-Sya‘bī<sup>24</sup> dan Murrah al-Ḥamdānī.<sup>25</sup>

Kesinambungan dari ini telah memunculkan sekumpulan ulama tafsir pada zaman *tabi‘īn* yang meriwayatkan dan mengumpulkan tafsir al-Quran para sahabat dan ulama *tabi‘īn*. Mereka ialah Sufyān bin ‘Aīnah, Wāqī‘ bin al-Jarrah al-Kūfi, Shu‘bah bin al-Hujjaj, Yazīd bin

---

Thawrī berkata: “Ambillah tafsir dari empat orang, iaitu Sa‘īd bin Jābir, Mujāhid, ‘Ikrimah dan al-Ḍahāk”. Beliau wafat pada tahun 105 H. Lihat al-Ḍahāk bin Mazāḥim al-Balkhī al-Hilālī, *Tafsīr al-Dahāk*, Pentahqiq Muḥammad Shukrī Aḥmad al-Zawītī (Kaherah: Dār al-Salām, 1419 H), 11.

<sup>19</sup> Ḥassan al-Baṣrī adalah seorang yang sangat alim pada zamannya. Percakapan beliau diumpamakan seperti percakapan Nabi Muhammad SAW oleh ulama pada zamannya. Beliau juga telah mengarang sebuah tafsir iaitu *Tafsīr Ḥassan al-Baṣrī*. Beliau wafat pada tahun 110 H. Lihat Muḥammad ‘Umar al-Ḥāj, *Mawsū‘ah al-Tafsīr Qablā ‘Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 282.

<sup>20</sup> Qatādah bin Di‘āmah al-Sadūsī al-Baṣrī. Beliau dilahirkan di Basrah pada tahun 61 H dan seorang yang buta. Imam Aḥmad bin Hanbal ada menyatakan bahawa beliau seorang yang alim dalam bidang tafsir dan feqah. Beliau wafat pada petengahan tahun 117 H ketika berumur 56 tahun. Lihat Muḥammad Ṣāliḥ al-Uthaymīn, *al-Uṣūl fī al-Tafsīr* (Kaherah: Maktabah al-Islamiyyah, 1422 H), 39.

<sup>21</sup> ‘Ulaqamah bin Qīs, ulama *tabi‘īn* yang *thiqah*, sangat alim dalam bidang ulum syariah. Beliau wafat pada tahun 61 H. Lihat Muḥammad ‘Umar al-Ḥāj, *Mawsū‘ah al-Tafsīr Qablā ‘Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 281.

<sup>22</sup> Aswād bin Yazīd seorang ulama *tabi‘īn* yang sangat faqih dalam bidang tafsir. Beliau wafat pada tahun 74 H. Lihat Muḥammad ‘Umar al-Ḥāj, *Mawsū‘ah al-Tafsīr Qablā ‘Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 282.

<sup>23</sup> Masrūq bin al-Ajdā‘ bin Mālik bin Umayyah al-Ḥamdānī al-Kūfi. Abī Ishāq telah berkata: “Masrūq menunaikan haji tanpa tidur melainkan bersujud sahaja”. Beliau wafat pada tahun 63 H. Lihat Al-Zahabī, Muḥammad Ḥusīn, *al-Tafsīr al-Mufasssirūn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396 H), 1:89.

<sup>24</sup> Amīr bin Sha‘bī adalah ulama *tabi‘īn* yang duduk dalam kalangan 500 orang sahabat. Beliau meriwayatkan tafsir dari Ibn ‘Abbās. Beliau wafat pada tahun 109 H. Lihat Muḥammad ‘Umar al-Ḥāj, *Mawsū‘ah al-Tafsīr Qablā ‘Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 282.

<sup>25</sup> Murrah bin Sharāhil al-Ḥamdānī al-Kūfi. Beliau meriwayatkan hadis dari ramai sahabat Baginda SAW seperti Khalifah yang empat, Ibn Mas‘ūd dan lain-lain. Ḥārith al-Ghanawī berkata: “Murrah solat sebanyak 600 rakaat dalam sehari”. Murrah bin Sharāhil wafat pada tahun 76 H. Lihat Al-Zahabī, Muḥammad Ḥusīn, *al-Tafsīr al-Mufasssirūn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396 H), 1:91.

Hārūn al-Sulamī, `Adam bin Abī Iyās, Ishāq bin Rahāwiyah atau dikenali dengan Imam al-Hafiz al-Naisaburi, Rūh bin `Ibādah, `Abdullah bin Ḥamīd al-Jahanī, Abū Bakr bin Abī Shaybah,<sup>26</sup> Abū `Alī Muḥammad bin al-Mustanīr, Abī Zakariyā al-Farrā`, Abī `Ubaydah al-Taymī, `Abd al-Razzāq bin Hammām, Abū Ḥassan al-Akhfash, Sa`īd bin Manšūr, `AbdulLāh bin Yaḥyā al-Yazīdī, Aḥmad bin Ḥanbal, Mālik bin Anas, `Abd bin Ḥamīd, Ḥassan al-`Askarī, Ibn Qutaybah, `Abd al-Rahmān bin Kaysān, Hūd bin Muḥakkim al-Ibādī, Ismā`īl bin Ishāq, Sahl bin `Abdullāh al-Tasturī dan Aḥmad bin Shu`ayb al-Nasā`ī.<sup>27</sup>

Dari sini disiplin ilmu tafsir dikembangkan secara meluas melalui penyebaran Islam ke seluruh dunia. Tafsir itu disampaikan melalui perbuatan (tingkah laku) umat Islam di mana sahaja mereka pergi dan bermastautin. Hal ini berlaku di Alam Melayu, apabila kedatangan para pedagang Islam yang menghayati tafsir al-Quran dalam kehidupan mereka. Komunikasi para pedagang yang menghayati tafsir al-Quran ini dengan masyarakat peribumi Alam Melayu itu menyebabkan mereka tertarik untuk memeluk agama Islam.<sup>28</sup>

Ajaran tafsir disampaikan secara tematik yang menyentuh persoalan kehidupan masyarakat peribumi Alam Melayu waktu itu. Dengan demikian, masyarakat peribumi diajar huruf-huruf Bahasa Arab untuk mengenal pembacaan dan tafsir al-Quran secara beransur-ansur dan perlahan-lahan. Sekaligus ia diajar membaca dan menulis al-Quran dan tafsirnya. Para ulama didatangkan para pedagang Islam untuk menyebarkan Islam termasuk tafsir al-Quran kepada masyarakat peribumi yang baru memeluk agama Islam. Hal ini telah mengangkat martabat masyarakat peribumi Alam Melayu dengan menghidupkan budaya ilmu tafsir dalam kehidupan mereka. Keadaan ini telah memunculkan ramai tokoh-tokoh sarjana peribumi, antaranya Syeikh

---

<sup>26</sup> Aḥmad Muṣṭafā Al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī* (Kaherah: Maktabah al-Ḥalabī, 1365 H), 1:9.

<sup>27</sup> Muḥammad `Afif al-Dīn al-Indūnisīy, *Jam` al-`Abīr fī Kutub al-Tafsīr* Juz 1 (Kaherah: Dār Nūr al-Yaqīn, 2019), 37 - 62.

<sup>28</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 dan 18* (Bandung: Percetakan Mizan, 1995), 167.



Hamzah al-Fansuri<sup>29</sup>, Syeikh Shamsuddin al-Sumatra`i<sup>30</sup> dan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili.<sup>31</sup> Intipati tafsir disampaikan melalui bentuk syair oleh Syeikh Hamzah al-Fansuri manakala tafsir juga turut disampaikan secara tematik melalui karya-karya Syeikh Shamsuddin al-Sumatra`i.

## **RIWAYAT HIDUP SYEIKH ABDUL RAUF ALI AL-FANSURI AL-SINGKILI**

Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili adalah pengarang kitab tafsir *Tarjumān al-Mustafīd*. Beliau dilahirkan di Barus pada tahun 1593 Masihi (1001 H). Kajian lapangan yang dijalankan oleh Mohd Syukri Yeoh<sup>32</sup> yang telah menemukan beberapa bahan peribadi Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili yang masih tersimpan hingga kini, antaranya al-Quran tulisan tangannya, kitab tulisan tangan

---

<sup>29</sup> Syeikh Hamzah al-Fansuri adalah seorang ulama yang hidup pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Ri'ayat Shah. Beliau berasal dari Barus, Sumatera Barat. Syeikh Hamzah al-Fansuri adalah pelopor bidang kesusasteraan dan rohani. Antara syair-syair beliau yang masih tersimpan hingga ke hari ini ialah Syair Burung Pingai, Syair Dagang, Syair Pungguk, Syair Sidang Fakir, dan Syair Perahu. Syeikh Hamzah al-Fansuri adalah guru kepada Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Lihat Peter G. Riddell, Tafsir Klasik di Indonesia, *Mimbar Agama dan Budaya* Vol. 17, No. 2, 2000), 9.

<sup>30</sup> Shamsuddīn al-Sumatera`i, nama lengkapnya adalah Syeikh Shamsuddin bin Abdillah al-Sumatera`i, sering pula disebut dengan Shamsuddīn Pasai. Beliau adalah ulama besar yang hidup di Aceh dua dekad terakhir abad ke-16 dan tiga dekad pertama abad ke-17. Penisbahan namanya dengan sebutan Sumaterani adalah kerana orang tuanya adalah orang Sumatera. Lihat Kafrawi Ridwan, *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ictiar Baru, 1993), 4:343. Beliau adalah Syeikh al-Islam di Kesultanan Aceh pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1670-1636). Sebagai seorang ulama Tasawuf ia memiliki banyak pengikut. Syeikh Shamsuddīn al-Sumatera`i mati syahid dalam satu peperangan jihad menentang Portugis di Melaka dan dimakamkan di Kampung Ketek, Bandar Hilir Melaka pada 24hb Februari 1630. Lihat R.O. Winstedt, *A History of Malaya* (t.p: 1935), 119.

<sup>31</sup> Ismail, "Falsafah Wujudiyah Hamzah Fansuri Pemikiran Dan Pengaruhnya Di Dunia Melayu Nusantara." *Manhaj: Jurnal Penelitian dan Pengabdian Masyarakat* 5, no. 3 (2017): 239-252.

<sup>32</sup> Mohd Syukri Yeoh, "Pemikiran Dakwah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili" (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM: Bangi, 2008), 123 – 125.

beliau,<sup>33</sup> cop mohor dan tongkat milik Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili.<sup>34</sup> Kesemua artifak tersebut disimpan oleh keturunan adik kepada Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili yang bernama Aminuddin. Setiap penyimpan artifak tersebut memiliki sanad keturunan mereka yang sampai kepada Aminuddin. Mereka ini kesemuanya adalah suku Batak bermargakan Limbong.

Beliau memulakan pendidikan ketika usia masih kecil lagi. Beliau telah berguru dengan ayahnya, iaitu Syeikh Ali al-Fansuri, pengasas Zawiyah Suro Lipat Kajang, Simpang Kanan, Aceh Selatan sebelum menjadi anak murid kepada Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i. Beliau juga telah menuntut ilmu dengan ramai alim ulama di negara Qatar, Yaman, Mekah dan Madinah. Beliau telah bermusafir selama 19 tahun untuk mendalami ilmu agama di luar Aceh. Setelah memperoleh ijazah mursyid Tariqat Shaṭṭaāriyyah dari Syeikh Aḥmad al-Qushāshī pada tahun 1661 Masihi, beliau telah pulang ke Barus. Beliau mengajar masyarakat setempat dengan ilmu agama Islam dan penghayatannya dalam kehidupan. Masyarakat pada masa itu hidup dalam keasyikan kenikmatan dunia dan telah melakukan maksiat kerana kurangnya pedoman dan penghayatan terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Hal ini menyebabkan timbul keinginan untuk mengarang sebuah kitab tafsir dalam Bahasa Melayu untuk dijadikan panduan kepada masyarakat pada waktu itu.

---

<sup>33</sup> Kajian lapangan yang dijalankan oleh Mohd Syukri Yeoh telah menemukan sebuah kitab karya Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili yang ditulis oleh beliau sendiri. Ini masih disimpan oleh keturunannya dari susur galur adiknya Aminuddin, iaitu Imam Yahya dari Masjid Desa Rimau, Lipat Kajang, Simpang Kanan, Singkil, Aceh Selatan. Dalam kitab tersebut terdapat lapan karya Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili, iaitu:

- a. *Faḥ al-Raḥmān*
- b. *Mir`āt al-Muḥaqqiqīn*
- c. *Tanbīh al-Ṭullāb*
- d. *Keajaiban Hati*
- e. *ʿIlm al-Sulūk*
- f. *Ta`ayyun*
- g. *Athnā al-Muṭālib fi Iṣṭilāḥāt al-ʿAwāqib*
- h. *Kalimah al-Ṭayyibah*

<sup>34</sup> Barang-barang peribadi ini disimpan oleh keturunan Syeikh Abdul Rauf dari susur galur adiknya yang bernama Aminuddin.

Perpecahan dalam masyarakat akibat pertembungan ideologi yang berlaku antara Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Hamzah Fansuri serta Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i menjadikan beliau lebih berhati-hati dalam berhadapan dengan masyarakat Aceh ketika itu. Setelah beliau dilantik menjadi mufti Kerajaan Aceh Dar al-Salam oleh Sultanah Safiyyah al-Din (1641-1675), Syeikh Abd Ra`uf Ali al-Fansuri al-Singkili menggunakan peluang ini untuk menerapkan tafsiran ayat-ayat al-Quran secara tematik dan menggunakan kitab tafsir iaitu *Tarjumān al-Mustafīd* untuk diajar dalam masyarakat Aceh pada waktu tersebut. Usaha itu diteruskan ketika pemerintahan Sultanah ke-15: Nakiyyat al-Din (1675-1678), Sultanah ke-16: Zakiyyat al-Din (1678-1688) dan Sultanah ke-17: Kamalat Syah (1688-1699). Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili wafat pada tahun 1693 Masihi.<sup>35</sup>

### **TARJUMĀN AL-MUSTAFĪD**

*Tarjumān al-Mustafīd* adalah tafsir berbahasa Melayu yang pertama lengkap yang di Alam Melayu yang dikarang oleh Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili pada abad ke 17 Masihi. Kitab tafsir ini mengandungi tafsiran terhadap 114 surah bermula dari surah *al-Fātihah* sehingga surah *al-Nās*. Kitab tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* yang dikarang oleh Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili ini masih boleh ditemui dalam bentuk manuskrip yang disalin oleh anak murid Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili, iaitu Syeikh Ahmad Umar bin Haji Jalaluddin Palembang,<sup>36</sup> Syeikh Daud Fatani dan sebagainya menggunakan tulisan tangan dan masih disimpan di beberapa perpustakaan dan orang perseorangan yang berminat dengan karya ini. Naskhah ini boleh dilihat di Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Banda Aceh, Zawiyah Tanoh Abee di Aceh, Perpustakaan Ali Hasmjy di Aceh, Pustaka Nasional Jakarta, British Library di London,

---

<sup>35</sup> Mohd Syukri Yeoh, "Pemikiran Dakwah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili" (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM: Bangi, 2008), 150 – 151.

<sup>36</sup> 'Abd al-Rauf al-Singkili, *Tarjumān al-Mustafīd*, Kod MSS329, disalin pada tahun 1299 H di Mekah, Kuala Lumpur:Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Universiti Oxford di London dan di Perpustakaan Leiden, Belanda.

Tafsir ini diajar di Rangkang,<sup>37</sup> Dayah,<sup>38</sup> Zawiyah,<sup>39</sup> Pesantren<sup>40</sup> dan pondok di seluruh Alam Melayu. Pengajaran tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* secara meluas disebabkan Kerajaan Aceh Darussalam dikenali sebagai Serambi Mekah, iaitu tempat persinggahan. Sementara menunggu pertukaran tiupan angin monsun setiap enam bulan untuk berangkat ke Mekah, para Jemaah Haji akan mempersiapkan diri dengan pelbagai kegiatan ilmu kefahaman Islam, termasuk ilmu tafsir dan sebagainya sehingga mereka memiliki ilmu yang cukup untuk menunaikan haji ke Mekah. *Tarjumān al-Mustafīd* turut tersebar dalam kalangan masyarakat Melayu di Ḥaramayn sehingga kitab tafsir tersebut dicetak di beberapa negara, antaranya Afrika Selatan, Singapura, Pulau Pinang, Mesir, Ḥaramayn, Turki dan India<sup>41</sup>.

---

<sup>37</sup> Rangkang ialah bilik-bilik kecil yang disediakan di dalam dayah tempat untuk pelajar-pelajar yang datang dari jauh berehat sementara menyelesaikan kuliah pengajian Islam. Lihat ZA, HM Syadli. "Pendidikan Islam Di Kesultanan Aceh." *Al Qalam* 20, no. 96 (2003): 96.

<sup>38</sup> Dayah berasal dari perkataan Sanskrit yang bermaksud pelajaran manakala menurut R.O Winstedt pula ia berasal dari perkataan Bahasa Parsi yang bermaksud inang, pengasuh dan ibu susu. Lihat Kamus Bahasa Melayu (Kuala Lumpur: Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd, 1970), 72. Ali Hasmjy telah menukar penggunaan perkataan ini kepada tempat orang Islam di Nusantara berkumpul untuk menuntut dan mendalami ilmu pengajian Islam yang berasal dari perkataan "zawiyah" (زاوية). Lihat Ali Hasmjy, *Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh* (Jakarta: Penerbitan Bulan dan Bintang, 1978), 56-64.

<sup>39</sup> Perkataan "zawiyah" berasal dari Bahasa Arab yang diambil dari kata nama tunggal, iaitu (زاوية), kata jamaknya "zawaya" (زوايا) yang bermaksud sesuatu yang sempurna berbentuk segi empat seperti rumah yang mempunyai empat penjuru. Lihat Ibn Mandhūr Muḥammad bin Mukarram, *Lisān al-ʿArab* (t.p: t.t), 3:1894. Perkataan ini merujuk kepada tempat pengajian di bahagian tengah dunia Islam.

<sup>40</sup> Pesantren bermaksud asrama tempat murid-murid belajar mengaji, membaca al-Qur`ān, mempelajari subjek-subjek keagamaan dan lain-lain. Lihat *Kamus Dewan Edisi Baru* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 957.

<sup>41</sup> Arivaie Rahman, "Tafsir Tarjumān Al-mustafid Karya 'Abd Al-rauf Al-fanshuri: Diskursus Biografi, Kontestasi Politis-teologis dan Metodologi Tafsir." *Miqot* 42, no. 1 (2018): 1-22; Muḥammad ʿAfif al-Dīn al-Indūnisīy, *Jamʿ al-ʿAbīr fī Kutub al-Tafsīr* Juz 1 (Kaheerah: Dār Nūr al-Yaqīn, 2019), 306 – 307.

*Tarjumān al-Mustafīd* bukan sahaja mengandungi tafsiran kepada ayat-ayat suci al-Quran, malah kitab ini juga membincangkan dua lagi komponen utama, iaitu Hadis *Asbāb al-Nuzūl* dan perbezaan bacaan *Qirā'āt* pada perkataan tertentu.

Jika diselusuri corak penulisan di dalam *Tarjumān al-Mustafīd*, Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili menggunakan tulisan jawi, iaitu tulisan yang menggunakan huruf-huruf Bahasa Arab untuk membentuk perkataan di dalam Bahasa Melayu. Namun begitu, jika dikaji dengan lebih mendalam, penggunaan huruf (چ), (ك), (غ) dan (ف) bukan merujuk kepada huruf-huruf Bahasa Arab. Menurut Charlotte<sup>42</sup>, huruf-huruf Bahasa Arab mempunyai persamaan dengan huruf-huruf Parsi. Namun begitu, penambahan beberapa huruf seperti (ف), (ك) dan (چ) yang membezakan kumpulan huruf-huruf Bahasa Arab dan kumpulan huruf-huruf Parsi. Selain itu, beberapa kitab yang dinyatakan oleh Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili sebagai rujukan di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* dikarang oleh sarjana yang berasal dari Parsi. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat pengaruh Parsi di dalam *Tarjumān al-Mustafīd*. Ini juga menyokong pendapat pendapat Muhammad Mustaqim<sup>43</sup> yang menyatakan bahawa kerajaan Islam yang pertama ditubuhkan di Kepulauan Melayu ialah kerajaan Islam Peurlak yang ditubuhkan oleh ulama-ulama dari Parsi.

## PENGARUH PARSİ DI DALAM *TARJUMĀN AL-MUSTAĪD*

Parsi ialah sebuah wilayah yang meliputi beberapa negara iaitu Iran, Turkeministan, Uzbekistan, Agfhanistan, Tajikistan dan Kyrgyzstan. Wilayah ini dahulunya digelar sebagai Khurasan. Wilayah ini pernah ditakluk oleh Saidina Umar al-Khattab semasa beliau menjadi khalifah yang kedua menggantikan Saidina Abu Bakr al-Şiddīq sekitar tahun 13 hingga 23 Hijrah. Namun begitu, wilayah ini berkembang menjadi sebuah wilayah yang disegani apabila revolusi yang dibawa oleh Abū

---

<sup>42</sup> Charlotte Askari, "My Persian Alphabet" (Tesis Ijazah Sarjana, School of Design and Art, University of Gothenburg: Sweden, 2013), 14 -24.

<sup>43</sup> Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "Satu Milenium Islam di Nusantara: Tinjauan Sosio-Sejarah" (Konvensyen Wasatiyyah di Putrajaya anjuran JAKIM dan USIM, pada 9-11 Jun 2011).

Muslim al-Khurasān yang membawa kepada tertubuhnya empayar Kerajaan ʿAbbāsīyyah sekitar tahun 750 Masihi sehingga digelar “Greater Khurasan” atau Khurasan Raya.<sup>44</sup> Khurasan terkenal dengan kemakmuran dan kehebatan dalam bidang penyebaran pelbagai disiplin ilmu antaranya al-Quran, Tafsir al-Quran, Hadis dan sebagainya. Pelbagai karya dalam pelbagai disiplin ilmu yang ditulis oleh sarjana yang berasal dari Khurasan telah menjadi rujukan di seluruh dunia termasuk penulisan tafsir berbahasa Melayu yang pertama di Alam Melayu, iaitu *Tarjumān al-Mustafīd*.

*Tarjumān al-Mustafīd* membincangkan tiga disiplin ilmu, iaitu tafsir ayat-ayat suci al-Quran, hadis *Asbāb al-Nuzūl* dan perbezaan bacaan *Qirāʾāt* pada perkataan tertentu. Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah merujuk kepada beberapa kitab tafsir dan kitab hadis yang muktabar selain menyatakan riwayat bacaan *Qirāʾāt* bagi tiga imam *Qirāʾāt*. Antara kitab tafsir yang menjadi rujukan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* ialah, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Taʿwīl al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*, *al-Kashf wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qurʾān*, *al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Thaʿlabī*, *Li Bāb al-Taʿwīl fī Maʿālim al-Tanzīl* dan *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmiʿ al-Bayān ʿan Taʿwīl Āyi al-Qurʾān* manakala kitab hadis yang menjadi rujukan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili ialah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *al-Mustadrak ʿalā al-Ṣaḥīḥayn*.

### ***Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Taʿwīl al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī***

Nama sebenar pengarang ialah Nāṣiruddīn Abū al-Khayr (Abū Saʿīd) ʿAbdullah bin ʿUmar bin ʿAlī al-Bayḍāwī al-Shayrāzī Shāfiʿī. Imam al-Suyūṭī menyifatkan beliau seorang yang sangat alim dan luas pengetahuan dalam bidang Fiqh, Usul, Bahasa Arab dan Mantiq. Beliau dilahirkan di sebuah tempat bernama Bayḍāʿ yang terletak dalam negara Parsi (Iran). Walaubagaimanapun para ulama tidak dapat menyatakan dengan tepat tahun kelahiran beliau. Beliau pernah menjadi *Qāḍī* di Shīrāz untuk beberapa tahun. Selepas itu, beliau berhijrah ke Tibriz dan wafat di sana pada tahun 685 H. Antara karya yang terkenal adalah

---

<sup>44</sup> Norhayati Hamzah, “The Government of Khurasan Under The Early ʿAbbāsīd Caliph,” *Jurnal Usuluddin*, Bil 19 (2004), 139 -158.

*Tafsīr al-Bayḍāwī* yang nama lengkapnya ialah *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta`wīl al-Ma`rūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*.<sup>45</sup>

Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Bayḍāwī* di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak 120 kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa *Tafsīr al-Bayḍāwī* adalah antara kitab tafsir yang banyak dirujuk oleh Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Walaubagaimanapun, *Tafsīr al-Bayḍāwī* tidak mendominasi rujukan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili sebagaimana *Tafsīr al-Khāzin*.

### ***Al-Kashfu wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qur`ān, al-Ma`rūf bi Tafsīr al-Tha`labī***

Nama sebenar pengarang ialah Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm. Beliau digelar Abū Ishāq dan terkenal dengan gelaran al-Tha`labī. Beliau dilahirkan di al-Naysābūrī. Beliau seorang yang alim dalam bidang tafsir, hadis, tatabahasa dan pelbagai bidang ilmu. Beliau wafat pada hari rabu, 23 Muharram tahun 427 H.<sup>46</sup> Syeikh Abd Ra`uf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Tha`labī* di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak dua kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Tha`labī* sebagai salah satu daripada rujukan-rujukan beliau dalam mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

### ***Lubāb al-Ta`wīl fī Ma`ālim al-Tanzīl***

Nama pengarang kitab tafsir ini ialah al-Ḥussayn bin Mas`ūd bin Muḥammad al-Farrā` (Ibn al-Farrā` atau Abū Muḥammad) al-Baghawī.

---

<sup>45</sup> Nāshiruddīn Abī al-Khayr `Abdullah bin `Umar bin Muḥammad al-Shayrāzī al-Shāfi`ī al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta`wīl al-Ma`rūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*, Pentahqiq Muḥammad `Abdul Rahmān al-Mur`ashlī, Juz 1 (Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-`Arabīy, 1418 H), 9-11; `Ādil Nuwayhid, *Mu`jam al-Mufasssīrīn min Ṣadr al-Islām Hattā al-`Asr al-Hādīr*, Jil. 1 (Beirut: Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyyah, 1983 M/1403 H), 318.

<sup>46</sup> Al-Tha`labī, Abī Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm, *al-Kashfu wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qur`ān al-Ma`rūf bi Tafsīr al-Tha`labī*, Juz 1 Pentahqiq Syeikh Sayyid Kasrawī Ḥasan (Beirut: Dār Kutub al-`Ilmiyyah, 1425 H), 19 – 21.

Antara gelaran beliau ialah *Muhyīy al-Sunnah* dan *al-Baghawī*. Beliau dinisbahkan kepada *al-Baghawī* kerana dilahirkan di sebuah kampung bernama Baghā yang terletak di Khurasan manakala gelaran al-Farrā` pula bermaksud pembuat dan penjual baju. *Al-Baghawī* adalah seorang yang sangat alim dalam bidang tafsir, hadis dan feqah. Beliau seorang ulama fiqh yang bermazhab *al-Shāfi`ī*. *Al-Baghawī* seorang yang sangat zuhud di dalam kehidupannya, berakhlak mulia dan sangat mengambil berat tentang amalan-amalan yang disandarkan kepada amalan Nabi Muhammad SAW.

Beliau telah menuntut ilmu dari beberapa orang ulama yang terkenal, antaranya Ḥussayn bin Muḥammad al-Murūzī seorang qadhi di Turkeministan, Abū al-Ḥassan °Alī bin Yusūf al-Juwaynī, seorang ulama besar di Kota Hijaz, °Abd al-Wāhid bin Aḥmad bin Abī al-Qāsim yang banyak meriwayatkan hadis sahih dari al-Nu°aymī dan Ḥassān bin Sa°īd al-Manī°ī. Selain itu, *al-Baghawī* mengambil ijazah hadis dari ulama besar iaitu Abī Sa°īd Muḥammad bin Aḥmad al-Nawqānī al-Shāfi°ī. Selain itu, beliau telah berguru dengan abangnya, al-Ḥassan bin Mas°ūd Abū °Alī al-Baghawī dan dan seorang ulama yang muktabar pada zaman tersebut, Abū al-Futūḥ Muḥammad bin Abī Ja°far Muḥammad bin °Alī bin Muḥammad al-Ṭā`ī al-Hamdānī.

Antara karya yang telah beliau hasilkan ialah al-Tahdhīb dalam bidang feqah, Sharḥ al-Sunnah dalam bidang hadis, Li Bāb al-Ta`wīl fī Ma°ālim al-Tanzīl dalam bidang tafsir, kumpulan hadis-hadis yang diriwayatkannya di dalam Maṣābiḥ al-Sunnah dan sebagainya. Beliau wafat pada tahun 516 Hijrah bersamaan 1222 Masihi di Moro, atau dikenali dengan nama Turkeministan pada masa sekarang.<sup>47</sup> Syeikh Abd Ra`uf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Baghawī* di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak sembilan kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Baghawī* sebagai salah satu

---

<sup>47</sup> Al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas°ūd bin Muḥammad bin al-Farā`, *Ma°ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qur`ān – Tafsīr al-Baghawī*, Juz 1 Pentahqiq °Abd al-Razzāq al-Mahdī (Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-°Arabiy, 1420 H), 5 – 6; °Ādil Nuwayhid, *Mu°jam al-Mufasssīrīn min Ṣadr al-Islām Ḥattā al-°Aṣr al-Ḥādir* (Beirut: Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyah, 1983 M/1403 H), 16.



daripada rujukan-rujukan beliau ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

### ***Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur`ān***

Nama pengarang kitab tafsir ini ialah Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Ṭabarī. Beliau dilahirkan di daerah *Āmul*, Ṭabaristan di utara Iran.<sup>48</sup> Terdapat dua pendapat yang berlawanan tentang tahun kelahiran beliau. Pendapat pertama mengatakan beliau dilahirkan pada akhir tahun 224 H manakala pendapat yang kedua pula menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada awal tahun 225 H. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang sangat-sangat mementingkan penguasaan ilmu agama. Oleh sebab demikian, beliau telah menghafal al-Quran seawal usia muda lagi. Setelah dilengkapi dengan asas-asas pengetahuan ilmu agama, maka beliau telah berhijrah ke luar dari kampungnya menuju ke Kota Baghdad untuk menuntut ilmu. Pada masa tersebut, Kota Baghdad merupakan tempat perkumpulan ramai ulama-ulama yang tabi'in yang menuntut ilmu langsung dari para sahabat Baginda Rasulullah SAW antaranya, Ulaqamah bin Qays,<sup>49</sup> al-Aswad bin Yazīd,<sup>50</sup> Masrūq,<sup>51</sup> al-Sya'bi<sup>52</sup> dan Murrāh al-Ḥamdānī.<sup>53</sup>

---

<sup>48</sup> Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr, *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur`ān*, Juz 1, *Pentahqiq* Aḥmad Muḥammad Shākir (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1420 H), 10.

<sup>49</sup> Ulaqamah bin Qīs, ulama tabi'in yang *thiqah*, sangat alim dalam bidang ulum syariah. Beliau wafat pada tahun 61 H. Lihat Muḥammad 'Umar al-Ḥāj, *Mawsū'ah al-Tafsīr Qablā 'Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 281.

<sup>50</sup> Aswād bin Yazīd seorang ulama tabi'in yang sangat faqih dalam bidang tafsir. Beliau wafat pada tahun 74 H. Lihat Muḥammad 'Umar al-Ḥāj, *Mawsū'ah al-Tafsīr Qablā 'Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 282.

<sup>51</sup> Masrūq bin al-Ajdā' bin Mālik bin Umayyah al-Ḥamdānī al-Kūfī. Abī Ishāq telah berkata: "Masrūq menunaikan haji tanpa tidur melainkan bersujud sahaja". Beliau wafat pada tahun 63 H. Lihat Al-Zahabī, Muḥammad Ḥusīn, *al-Tafsīr al-Mufasssīrūn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396 H), 1:89.

<sup>52</sup> Amīr bin Sha'bi adalah ulama tabi'in yang duduk dalam kalangan 500 orang sahabat. Beliau meriwayatkan tafsir dari Ibn 'Abbās. Beliau wafat pada tahun 109 H. Lihat Muḥammad 'Umar al-Ḥāj, *Mawsū'ah al-Tafsīr Qablā 'Ihda al-Tadwīn* (Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H), 282.

<sup>53</sup> Murrāh bin Sharāhil al-Ḥamdānī al-Kūfī. Beliau meriwayatkan hadis dari ramai sahabat Baginda SAW seperti Khalifah yang empat, Ibn Mas'ūd dan lain-lain. Ḥārith

Beliau telah menuntut ilmu daripada ramai ulama-ulama yang muktabar dalam pelbagai disiplin ilmu seperti hadis, feqah, tafsir, bahasa dan tatabahasa antaranya, Muḥammad bin ʿAbdul Malik bin Abī al-Shawārib, Ishāq bin Abī Isrāʾīl, Aḥmad bin Manīʿ al-Baghawī, Muḥammad bin Ḥamīd al-Rāzī, Yaʿqūb bin Ibrāhīm al-Dawraqīy, ʿUmar bin ʿAlī al-Fallās, Sufyān bin Wakīʿ.

Selepas itu, Abū Jaʿfar al-Ṭabarī telah bergerak menuju ke Kota Basrah dan telah menuntut pelbagai disiplin ilmu daripada ramai cendekiawan-cendekiawan terkemuka pada waktu tersebut antaranya, Muḥammad bin Mūsā al-Ḥarshī, Muḥammad bin ʿAbdul Aʿlā al-Ṣanʿānī, Bashar bin Muʿādh, Muḥammad bin Bashshār Bundār dan Muḥammad bin al-Muthannā al-ʿAnazī. Di Kota Kufah, beliau telah menuntut ilmu dari beberapa orang ulama muktabar antaranya Abī Karīb Muḥammad bin al-ʿAlāʾ al-Ḥamdānī, Hannād bin al-Sirrī, Ismāʿīl bin Mūsā al-Suddīy. *al-Ṭabarī* juga telah menuntut di Mesir. Antara gurunya ialah, al-Rabīʿ bin Sulaymān al-Murādī, Ismāʿīl bin Ibrāhīm al-Muznī, Muḥammad bin ʿAbdullāh bin ʿAbd al-Ḥākīm, Ibn Wahb dan Yūnus bin ʿAbd al-Aʿlā al-Ṣadafīy. Rehlah ilmu *al-Ṭabarī* yang luas menjadikan beliau seorang yang sangat alim bukan sahaja di dalam bidang tafsir al-Quran, malah beliau juga menguasai beberapa disiplin ilmu, antaranya feqah, hadis, sejarah, ilmu bahasa, tatabahasa, syair dan sebagainya. Beliau banyak menulis tentang tafsir, sejarah dan himpunan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW dan antara karya agung beliau ialah *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmiʿ al-Bayān ʿan Taʾwīl Āyi al-Qurʾān* di dalam bidang tafsir al-Quran. Beliau telah wafat pada waktu maghrib, hari ahad, penghujung bulan Syawal pada tahun 310 H dan dikebumikan pada keesokan harinya di Bandar al-Salām, Kota Baghdad.

Syeikh Abd Raʿuf Ali al-Fansuri al-Singkili telah menyatakan *Tafsīr al-Ṭabarī* di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* sebanyak dua kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili juga telah menjadikan *Tafsīr al-Ṭabarī* sebagai salah satu

---

al-Ghanawī berkata: “Murrah solat sebanyak 600 rakaat dalam sehari”. Murrah bin Sharāhil wafat pada tahun 76 H. Lihat Al-Zahabī, Muḥammad Ḥusīn, *al-Tafsīr al-Mufasssīrūn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396 H), 1:91.

daripada rujukan-rujukan beliau ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafīd*.

### ***Ṣaḥīḥ al-Bukhārī***

Nama sebenar pengarang kitab ini ialah Abū ʿAbdulLāh Muḥammad bin Ismāʿīl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī. Beliau dilahirkan di Bukhara, Uzbekistan dahulunya terletak di dalam wilayah Khurasan, Iran selepas Solat Jumaat, 13 *Shawwāl* tahun 194 H. Beliau seorang berketurunan Parsi dari datuknya, Bardizbah dan dilahirkan di dalam keluarga yang sangat berakhlak mulia dan dipandang tinggi oleh masyarakat setempat. Abū ʿAbdullāh, anaknya berkata di dalam kitab *al-Tārīkh al-Kabīr*, “ayahku dilahirkan di dalam keluarga yang langsung tidak menggunakan sedikit pun harta walau satu dirham sekali pun dari sumber yang haram dan syubhah”. al-Lālikāʿī di dalam kitabnya *Sharḥ al-Sunnah* menyatakan bahawa Imam Bukhari telah kehilangan penglihatannya ketika kecil. Maka ibunya telah berdoa dengan sepenuh hati kepada Allah SWT supaya penglihatan anaknya dikembalikan. Seinggalah pada suatu malam, ibunya telah bermimpi berjumpa dengan Nabi Ibrahim AS dan berkata kepada ibunya, “Sesungguhnya penglihatan anakmu telah dikembalikan dengan berkat doamu”.

Imam Bukhari telah berguru dengan beberapa orang sahabat Nabi Muhammad SAW, antaranya Mālik bin Anas, Ḥammād bin Zayd dan ʿAbdullāh bin al-Mubārak. Beliau telah berkelana ke beberapa negara untuk menuntut ilmu, antaranya Mekah, Madinah, Iraq, Syam dan Mesir. Antara karya beliau ialah *al-Adab wa al-Mufrad*, *al-Tārīkh al-Kabīr*, *Kitāb al-Ḍuʿafāʾ* dan banyak lagi. Beliau wafat pada hari Sabtu, malam 1 *Shawwāl* tahun 256 H.

### ***Al-Mustadrak ʿalā al-Ṣaḥīḥayn***

Nama pengarang kitab hadis ini ialah al-Ḥāfiẓ Muḥammad bin ʿAbdullāh bin Ḥamdawīh bin Nuʿaym bin al-Ḥākīm al-Naysābūrī al-Shāfiʿī. Beliau dilahirkan pada hari Isnin ketiga dalam bulan *Rabiʿ al-Awwal*, tahun 321 H di Naysabur, timur Iran. Beliau telah berguru

dengan ramai ilmuan di dalam bidang hadis, antaranya ialah ayahnya sendiri Ketika beliau berumur 9 tahun. Ayahnya adalah murid kepada Imam Muslim, pengarang kitab *Ṣaḥīḥ Muslim*. Al-Ḥākim juga bertalaqi dengan Abī Ḥātim bin Ḥibbān seawal umur 13 tahun. Selain menuntut ilmu di Naysabur, beliau telah mengembara ke Iraq Ketika berusia 20 tahun untuk menuntut ilmu hadis.

Selain seorang yang sangat dipercayai, al-Ḥākim juga seorang yang rajin, bersungguh-sungguh, berakhlak mulia dan mempunyai ramai guru dalam bidang hadis. Ini menjadikan al-Ḥākim seorang yang pakar dalam bidang tersebut sehingga kitabnya *al-Mustadrak ʿalā al-Ṣaḥīḥayn* menjadi salah satu rujukan utama di dalam bidang pentakhrijan hadis. Selain itu, beliau juga mengarang beberapa kitab, antaranya *Kitāb al-Arbaʿīn*, *Suʿālāt al-Ḥakim li Dāraqutnī fi al-Jarḥ wa al-Taʿdīl*, *ʿIlal al-Hadīth* dan banyak lagi. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 405 H.<sup>54</sup>

## KESIMPULAN

Walaupun Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili telah mengarang *Tarjumān al-Mustafīd* 400 tahun yang lepas, namun sumbangan beliau dalam bidang tafsir khususnya diakui oleh ramai sarjana, sama ada sarjana Islam mahupun sarjana bukan Islam. Rujukan-rujukan yang digunakan di dalam *Tarjumān al-Mustafīd* masih lagi digunakan di dalam karya tafsir Alam Melayu seperti Tafsir Nur Ihsan dan sebagainya. Ini membuktikan pengaruh Khurasan yang dominan di Alam Melayu khususnya dalam bidang tafsir al-Quran. Selain itu, tulisan jawi yang digunakan juga dalam pengkaryaan *Tarjumān al-Mustafīd* menunjukkan bahawa tulisan jawi bukanlah semata-mata tulisan yang diambil sepenuhnya dari Bahasa Arab, malah tulisan ini diasimilasi oleh masyarakat Alam Melayu dari tulisan Parsi yang menggunakan huruf tambahan yang sesuai dengan sebutan dan komunikasi kehidupan seharian masyarakat Alam Melayu. Kitab-kitab tafsir seperti *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Taʿwīl al-Maʿrūf bi Tafsīr*

---

<sup>54</sup> Al-Naysābūrī, Muḥammad bin ʿAbdulLāh bin Ḥamdawīh bin Nuʿaym bin al-Ḥākim, *al-Mustadrak ʿalā al-Ṣaḥīḥayn*, Pentahqiq Muṣṭafā ʿAbd al-Qādir ʿAtā' (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿAlamiyyah, 1408 H), 1:7 – 17.

*al-Bayḍāwī*, *al-Kashfu wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qur`ān*, *al-Ma`rūf bi Tafsīr al-Tha`labī*, *Li Bāb al-Ta`wīl fī Ma`ālim al-Tanzīl dan Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmi` al-Bayān `an Ta`wīl Āyi al-Qur`ān* yang dikarang oleh ulama Khurasan terus menjadi rujukan dan silibus di beberapa pondok dan zawiyah di seluruh pelusuk Alam Melayu.

Selain itu, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* karya Imām Bukhārī adalah kitab hadis yang paling utama di dalam bidang hadis. Kitab ini dianggap paling sahih selepas al-Quran oleh kebanyakan sarjana-sarjana Islam di seluruh dunia. Ini menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili sangat mementingkan rujukan yang diambil bagi mengelakkan kesilapan-kesilapan yang boleh membawa kepada kemudaratan terhadap mereka yang mempelajari karyanya. Ditambah pula kitab *al-Mustadrak `alā al-Ṣaḥīḥayn* karya Imām al-Ḥākim juga dijadikan rujukan di dalam *Tarjumān al-Mustaḥḍ* dalam bidang hadis. Ini membuktikan ketelitian Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dalam mengarang sebuah karya.

## RUJUKAN

- Abd al-Rauf al-Singkilī, *Tarjumān al-Mustaḥḍ*, Kod MSS329, disalin pada tahun 1299 H di Mekah, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash`ath al-Sijistānī, *Sunan lī al-Imām Abī Dāwūd*. Jilid ke-3. Kaherah: Dār al-Ta`ṣīl, 2015.
- Al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas`ūd bin Muḥammad bin al-Farā`, *Ma`ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qur`ān – Tafsīr al-Baghawī*, Pentahqiq `Abd al-Razzāq al-Mahdī. Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-`Arabiyyah, 1420 H.
- Al-`Athqalānī, Shihābuddīn Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar, *Hūdā al-Sārī li al-Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī*. Jilid ke-11. Beirut: Risālah al-`Ālamīyyah, 2013.
- Al-Ḍaḥāk bin Mazāḥim al-Balkhī al-Hilālī, *Tafsīr al-Ḍaḥāk*, Pentahqiq Muḥammad Shukrī Aḥmad al-Zawītī. Kaherah: Dār al-Salām, 1419 H.
- Ali Hasmjy, *Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh*. Jakarta: Penerbitan Bulan dan Bintang, 1978.

- Al-Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā, *Tafsīr al-Marāghī*. Jilid ke-1. Kaherah: Maktabah al-Ḥalabī, 1365 H.
- Al-Naysābūrī, Muḥammad bin ʿAbdullāh bin Ḥamdawīh bin Nuʿaym bin al-Ḥākim, *al-Mustadrak ʿalā al-Ṣaḥīḥayn*, Pentahqiq Muṣṭafā ʿAbd al-Qādir ʿAtā'. Jilid ke-1. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿAlamīyyah, 1408 H.
- Al-Ṭabarī, Abū Jaʿfar Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr, *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābih Jāmiʿ al-Bayān ʿan Taʿwīl Āyi al-Qurʾān*, Juz 1, Pentahqiq Aḥmad Muḥammad Shākir. Beirut: Muʿassasah al-Risālah, 1420 H.
- Al-Thaʿlabī, Abī Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm, *al-Kashfu wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qurʾān al-Maʿrūf bi Tafsīr al-Thaʿlabī*, Pentahqiq Syekh Sayyid Kasrawī Ḥasan. Beirut: Dār Kutub al-ʿIlmiyyah, 1425 H.
- Al-Zahabī, Muḥammad Ḥusīn, *al-Tafsīr al-Mufasssirūn*. Jilid ke-1. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1396 H.
- Arivaie Rahman. "Tafsir Tarjumân Al-mustafid Karya ʿAbd Al-rauf Al-fanshuri: Diskursus Biografi, Kontestasi Politis-teologis dan Metodologi Tafsir." *Miqot* 42, no. 1 (2018): 1-22.
- Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 dan 18*. Bandung: Percetakan Mizan, 1995.
- ʿĀdil Nuwayhid, *Muʿjam al-Mufasssirīn min Ṣadr al-Islām Ḥattā al-ʿAṣr al-Ḥādir*. Beirut: Muassasah al-Nuwayhid al-Thaqāfiyah, 1983 M /1403 H.
- Charlotte Askari. "My Persian Alphabet, Tesis Ijazah Sarjana, School of Design and Art." University of Gothenburg: Sweden, 2013.
- Faḍl Ḥassan ʿAbbās, *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn* Juz 1. Umān: Dār al-Nafāʿis, 2016.
- Ibn Kathīr, Ismāʿīl bin ʿUmar, *Tafsīr al-Qurʾān al-ʿAzīm li Ibn Kathīr*, Pentahqiq Abū Ishāq al-Ḥuwaynī. Jilid ke-7. Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī, 1431 H.
- Ibn Mandhūr Muḥammad bin Mukarram, *Lisān al-ʿArab*. Jilid ke-3. t.p: t.t.
- Ibn Saʿad, *Ṭabaqāt al-Kubrā*, Pentahqiq Muḥammad bin Saʿad bin Manīʿ al-Zahrī. Jilid ke-2. Kaherah: Maktabah al-Khanījī, t.t.
- Ismail, "Falsafah Wujudiyah Hamzah Fansuri Pemikiran Dan Pengaruhnya Di Dunia Melayu Nusantara." *Manhaj: Jurnal Penelitian dan Pengabdian Masyarakat* 5, no. 3 (2017).

- Kafrawi Ridwan, *Ensiklopedi Islam*. Vol. 4. Jakarta: PT. Ictiar Baru, 1993.
- Kamus Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Penerbitan Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd, 1970.
- Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Mohd Syukri Yeoh. "Pemikiran Dakwah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili." Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM: Bangi, 2008.
- Muḥammad °Afif al-Dīn al-Indūnisīy, *Jam° al-°Abīr fī Kutub al-Tafsīr*. Juz 1. Kaherah: Dār Nūr al-Yaqīn, 2019.
- Muḥammad °Umar al-Ḥāj, *Mawsū°ah al-Tafsīr Qablā °Ihda al-Tadwīn*. Dimashq: Dār al-Maktabī, 1427 H.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "Satu Milenium Islam di Nusantara: Tinjauan Sosio-Sejarah." Konvensyen Wasatiyyah di Putrajaya anjuran JAKIM dan USIM, pada 9-11 Jun 2011.
- Muḥammad Ṣāliḥ al-Uthaymīn, *al-Uṣūl fī al-Tafsīr*. Kaherah: Maktabah al-Islamiyyah, 1422 H.
- Muṣṭafā Muslim, *Manāḥij al-Mufasssīrīn*. Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1415 H.
- Nāṣiruddīn Abī al-Khayr °Abdullah bin °Umar bin Muḥammad al-Shayrāzī al-Shāfi°ī al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta°wīl al-Ma°rūf bi Tafsīr al-Bayḍāwī*, Pentahqiq Muḥammad °Abdul Rahmān al-Mur°ashlī. Juz 1. Beirut: Dār Iḥyā° al-Turāth al-°Arabīy, 1418 H.
- Norhayati Hamzah, The Government of Khurasan Under The Early °Abbāsīd Caliph, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 19 (2004), 139 -158.
- Peter G. Riddell, Tafsir Klasik di Indonesia, *Mimbar Agama dan Budaya* Vol. 17, No. 2, 2000, 9.
- R.O. Winstedt, *A History of Malaya*. t.p, 1935.
- Rosihan Anwar, *Ulum al-Qur°an*. Bandung: Pustaka Setia, 2008.
- ZA, HM Syadli. "Pendidikan Islam Di Kesultanan Aceh." *Al Qalam* 20, no. 96 (2003): 125-142.